

ABSTRAK

Disertasi ini bertajuk: “Doktrin *Sadd al-Dharā’i’* Dan Pemakaiannya Dalam Membendung Ajaran Sesat: Suatu Kajian Di JAKIM”. Doktrin ini bertitik tolak daripada satu kenyataan bahawa sumber perundangan Islam merupakan landasan dalam penentuan hukum dan dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan manusia terutama perkara yang melibatkan penyelewengan akidah. Untuk mencapai kesimpulan ilmiah yang munasabah, disertasi ini akan mengenalpasti sumber tersebut melalui al-Qur’ān dan al-Ḥadīth atau ijtihad para *fuqahā’*. Kajian ini diteruskan dengan membuat penjelasan berkenaan dengan doktrin *Sadd al-Dharā’i’* dari sudut pengertian, syarat-syarat, rukun-rukun, pembahagian dan kedudukannya sebagai sumber hukum. Berikutnya, kajian ini memaparkan konsep ajaran sesat menurut perspektif Islam dan persepsi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian ini selanjutnya membuktikan bahawa doktrin *Sadd al-Dharā’i’* sesuai diterimapakai dalam usaha membendung gejala-gejala yang boleh menyesatkan dengan merujuk kepada beberapa bentuk pemakaian *Sadd al-Dharā’i’* di dalam al-Qur’ān, hadis Rasulullah, *āthār al-ṣaḥābah* dan *tābi’īn*. Pada masa kini, pemakaiannya diperluaskan terutama oleh pihak yang bertanggungjawab dalam urusan agama Islam seperti JAKIM bagi memastikan kesucian akidah terpelihara dari anasir-anasir yang boleh menyesatkan.

ABSTRACT

This dissertation is entitled: "The doctrine of *Sadd al-Dharā'i'* and its usage in preventing deviationist teachings: A study at JAKIM". The doctrine arises from a statement that sources of the Islamic Law are the basis in determining any legal matter and in solving human problems especially in the matter of deviation of belief. In order to arrive at an academic conclusion, this dissertation attempts to identify the said sources through al-Qur'ān, al-Ḥadīth or *ijtihād* of the Jurist. This study is conducted by elaborating the doctrine of *Sadd al-Dharā'i'* in term of its definition, conditions, fundamentals, scope and its position as a source of the legal matter, as well as explaining the concept of deviationist teaching from the perspective of Islam and specifically from the perception of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itself. This study has proven that the doctrine of *Sadd al-Dharā'i'* is right for the purpose of preventing any negative elements by way of referring to several usage of it in the al-Qur'ān, al-Ḥadīth, *āthār ṣaḥābah* and *tābi'īn*. Currently, the usage of the doctrine has been extended especially by those responsible in making sure that the sanctity of belief is being protected from the deviationist elements, for example by JAKIM.